

18 DEC 1999

Razaleigh-Kelantan

MASA DEPAN UMNO DI KELANTAN TETAP CERAH

KOTA BAHARU, 18 Dis (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungam Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata masa depan Umno di Kelantan masih baik walaupun parti itu mengalami "kekalahan yang teruk" dalam pilihan raya umum akhir bulan lepas.

"Masa depan Umno (di Kelantan) masih baik...semangat orang kita tebal dan kuat, kalah sekali bukan bermakna mesti surrender (menyerah)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya Umno masih berpeluang untuk memenangi hati rakyat Kelantan kerana berdasarkan jumlah pengundi yang memilih PAS tidaklah melibatkan jumlah yang ramai.

Beliau berkata berdasarkan keputusan pilihan raya umum baru-baru ini didapati hanya 4.8 peratus pengundi Kelantan yang sebelum ini memilih Umno telah "bertukar arah" dan menyokong PAS.

Tengku Razaleigh berkata jumlah itu adalah kecil dan tidak memeranjatkan Umno dan jika diberi lebih banyak penjelasan golongan itu akan kembali menyokong Umno dan Barisan Nasional (BN).

Tengku Razaleigh juga berkata beliau sedia bertanggungjawab berikutan kegagalan Umno Kelantan pada pilihan raya lepas.

Menurutnya tidak timbul dakwaan khususnya dakwah parti pembangkang bahawa beliau telah diperalatkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila diminta memimpin Umno di Kelantan bagi menghadapi pilihan raya lepas.

"Ini semua nak lagakan sayalah. Kita semua diguna dan kita semua menjadi alat untuk parti dan rakyat, inilah orang politik. Sama ada dipergunakan atau tidak ini istilah yang boleh digunakan oleh sesiapa pun,".

"Tetapi saya sendiri dengan rela hati menerima tanggungjawab ini untuk memimpin Umno Kelantan dan kalaulah kita tak berjaya, saya bertanggungjawab atas kegagalan kita itu," katanya.

Mengenai tindakan terhadap pemimpin dan anggota Umno yang dikatakan belot terhadap perjuangan parti, Tengku Razaleigh berkata jika cukup bukti mereka yang berkenaan perlu dikenakan tindakan sewajarnya mengikut peraturan parti.

Katanya bagaimanapun usaha untuk mengenal pasti mereka yang terbabit perlu ditangani secara berhati-hati bagi mengelakkan ada individu yang menjadi mangsa tuduhan ekoran perselisihan peribadi.

-- BERNAMA

RAR RHM